

PENGETAHUAN SOSIOEMOSI GURU DALAM MEMUPUK MORAL KANAK-KANAK PASCA PANDEMIK COVID-19

Teachers' socio-emotional knowledge in nurturing the morals of children after the COVID-19 Pandemic

Zaharah Osman^{1*}, Anis Norma Mohamad Jaafar², Nor Aizal Akmal Rohaizad³

^{1, 2}Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

³Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial,
Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

zaharah@fpm.upsi.edu.my^{1*}, anis@fpm.upsi.edu.my², aizal@umt.edu.my³

*Corresponding Author

Published: 02 December 2024

To cite this article (APA): Osman, Z., Mohamad Jaafar, A. N., & Rohaizad, N. A. A. (2024). Teachers' socio-emotional knowledge in nurturing the morals of children after the COVID-19 Pandemic. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(2), 107–118. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.2.10.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.2.10.2024>

ABSTRAK

Guru prasekolah di Malaysia menghadapi masalah dalam pengajaran komponen sosioemosi disebabkan kurangnya alat bantu mengajar, struktur dan panduan yang khusus. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan sosioemosi guru dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dimana soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Kajian ini dilaksanakan terhadap 124 orang guru TABIKA PERPADUAN negeri Perak dan Selangor. Data yang di analisis menggunakan *Statistical Package For The Social Science Version 27* (SPSS 27). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 75.0% guru mewujudkan rangsangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang mendorong perkembangan sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak, 71.8% guru mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran sosioemosi kanak-kanak dalam memupuk moral kanak-kanak, 67.7% guru menggunakan kaedah pengajaran yang menumpukan aspek kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak, 66.9% guru melaksanakan kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak, 66.1% guru mengesan tahap-tahap penguasaan kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak, 64.5% guru menerapkan elemen-elemen kemahiran sosioemosi yang sesuai untuk memupuk moral kanak-kanak dan menyediakan aktiviti-aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk membantu memperkembangkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak. Selain itu, hanya 62.9% guru menguasai kemahiran sosioemosi yang perlu dimasukkan dalam pengajaran memupuk moral kanak-kanak, 62.1% guru menggunakan strategi kemahiran sosioemosi yang sesuai dalam memupuk moral kanak-kanak dan 58.1% guru mementingkan langkah-langkah membina kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak. Kesimpulannya, guru TABIKA mempunyai pengetahuan sosioemosi yang baik dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Seterusnya dapat memberi impak positif dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pengintegrasian kemahiran sosioemosi di TABIKA.

Kata kunci: Pengetahuan Sosioemosi, Moral, Kanak-Kanak

ABSTRACT

Preschool teachers in Malaysia face problems in teaching socio-emotional components due to a lack of teaching aids, structure, and specific guidance. This study aims to identify teachers' socio-emotional knowledge in fostering children's morals after the COVID-19 pandemic. This study uses a quantitative approach where questionnaires are used as research instruments to collect data. This study was conducted on 124 teachers of TABIKA PERPADUAN in Perak and Selangor. The data were analysed using the Statistical Package for Social Science Version 27 (SPSS 27). The findings of the study showed that 75.0% of teachers created stimuli in teaching and learning that encouraged socio-emotional development in nurturing children's morals; 71.8% of teachers took into account the factors that influenced children's socio-emotional skills in nurturing children's morals; 67.7% of teachers used teaching methods that focused on aspects of socio-emotional skills in nurturing children's morals; 66.9% of teachers implemented socio-emotional skills to nurture children's morals; 66.1% of teachers detected the levels of mastery of socio-emotional skills in nurturing children's morals; 64.5% of teachers applied elements of socio-emotional skills that are appropriate to nurture children's morals and provided feasible activities to help develop children's socio-emotional skills. In addition, only 62.9% of teachers mastered the socio-emotional skills that need to be included in teaching to nurture children's morals; 62.1% of teachers used appropriate socio-emotional skills strategies in fostering children's morals; and 58.1% of teachers attached importance to measures to build socio-emotional skills to nurture children's morals. In conclusion, TABIKA teachers have good socio-emotional knowledge in nurturing children's morals after the COVID-19 pandemic. Next can have a positive impact in the implementation of teaching and learning integration of socio-emotional skills in TABIKA.

Keywords: Socio-emotional Knowledge, Moral, Children

PENGENALAN

Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) telah merebak ke seluruh dunia, termasuk Malaysia. Dalam kes kanak-kanak, penutupan persekolahan yang dikenakan sebagai tindak balas terhadap COVID-19 dapat menimbulkan perasaan takut, bimbang, sedih, atau stress (Hidayu & Hemaloshinee, 2020). Situasi ini memerlukan cara untuk mengembangkan kemahiran sosioemosi yang kritikal di samping kemahiran sosioemosi yang diperlukan untuk hidup pasca pandemik COVID-19 dalam memupuk moral kanak-kanak.

Pandemik Covid-19 telah mengganggu perkembangan sosioemosi dalam kalangan kanak-kanak. Masyarakat Malaysia mungkin belum sepenuhnya memahami kesan sosioemosi jangka panjang wabak COVID-19 kepada kanak-kanak, tetapi ini adalah peluang untuk mulai memenuhi keperluan sosioemosi mereka dan untuk terus memupuk perkembangan moral yang sihat, walaupun di tengah-tengah krisis global. Namun, perubahan yang berlaku disebabkan COVID-19, boleh mempengaruhi sosioemosi kanak-kanak. Sokongan daripada persekitaran yang melingkungi kanak-kanak adalah diperlukan apabila mereka berdepan situasi perubahan yang berlaku.

Terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi perkembangan sosioemosi kanak-kanak iaitu faktor biologi, perhubungan dengan manusia dan persekitaran (Nor Hamizah dan Abdul Rashid, 2020). Melalui faktor biologi, ibu bapa yang mempunyai ketidakstabilan di dalam emosi mereka akan menghasilkan anak-anak yang lebih agresif di dalam perlakuan mereka. Perhubungan dengan manusia dan persekitaran terjadi, apabila interaksi yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut bersama-sama dengan individu-individu di persekitaran mereka, membolehkan kanak-kanak tersebut untuk meniru, mempelajari dan mengawal tingkah laku mereka di dalam kehidupan seharian mereka. Perkembangan sosioemosi boleh dipupuk melalui perhubungan dengan manusia dan persekitaran yang sihat.

Persekitaran sekolah yang lebih menekankan kepada pencapaian akademik yang cemerlang menjadi kekangan penyampaian pembelajaran sosioemosi dalam kelas kerana guru kurang pengetahuan (Mohamed, 2021). Pengajaran dan pembelajaran di sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan sosioemosi kanak-kanak, terutamanya dalam konteks pasca pandemik COVID-19. Bagi guru tabika di Malaysia, memupuk kemahiran sosioemosi menjadi cabaran berikutan kekurangan alat bantu mengajar serta panduan dan struktur yang khusus. Dalam tempoh ini, penekanan terhadap kemahiran sosioemosi semakin penting kerana kanak-kanak mengalami perubahan sosioemosi yang mendalam. Pengajaran dan pembelajaran akan berkesan sekiranya panduan pelaksanaan pendekatan sosioemosi disediakan merangkumi aktiviti yang sesuai untuk memupuk moral kanak-kanak. Maka, keadaan ini akan sentiasa membolehkan guru bersiap sedia untuk mengaplikasikan pengintegrasian sosioemosi dalam pengajaran.

Menurut Ahmad Firdaus et al. (2018), isu sosioemosi ini sering dikaitkan dengan kemerosotan nilai-nilai moral yang sepatutnya diterapkan sejak usia muda. Dalam konteks kanak-kanak, mereka mula menunjukkan tanda-tanda ketidakstabilan emosi, keganasan, atau kesukaran dalam mengekalkan hubungan yang sihat dengan rakan sebaya dan ahli keluarga. Fenomena ini merentas pelbagai lapisan sosial dan tidak terhad kepada faktor jantina, umur, atau etnik. Malah, penglibatan kanak-kanak dalam masalah-masalah sosial seperti buli, kenakalan remaja, dan gangguan emosi semakin membimbangkan.

Peningkatan pengaruh media sosial dan teknologi juga memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada masalah ini. Kanak-kanak yang terdedah kepada kandungan yang tidak sesuai atau berlebihan dalam penggunaan teknologi sering kali kehilangan kemampuan untuk mengembangkan kemahiran interaksi sosial yang sebenar, serta gagal memahami emosi dan nilai moral yang betul. Ini turut menyumbang kepada kecenderungan tingkah laku yang lebih agresif atau tidak bermoral, yang akhirnya membawa kepada masalah moral dan sosioemosi yang lebih serius dalam kalangan generasi muda.

Dalam menangani masalah ini, pendidikan yang menekankan kemahiran sosioemosi dan nilai-nilai moral menjadi semakin penting. Pendekatan yang bersepadu dan menyeluruh perlu melibatkan guru, ibu bapa, dan komuniti untuk memastikan bahawa kanak-kanak dapat membangunkan keupayaan mereka untuk mengurus emosi, empati, dan nilai-nilai moral yang kukuh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan sosioemosi guru dalam memupuk moral kanak-kanak.

KAJIAN LITERATUR

Perkembangan sosioemosi kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran mereka, termasuk hubungan dengan ibu bapa, adik-beradik, rakan-rakan, dan media. Menurut Bronfenbrenner (1979), perkembangan manusia berlaku melalui interaksi di dalam lima lapisan sistem ekologi iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem. Pertama iaitu mikrosistem merupakan hubungan langsung dengan keluarga, guru, dan rakan, yang memberi impak segera kepada perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Kedua iaitu mesosistem merupakan interaksi antara mikrosistem, seperti antara rumah dan sekolah. Hubungan baik antara ibu bapa dan guru menyokong perkembangan sosioemosi yang positif. Ketiga iaitu eksosistem merupakan persekitaran yang tidak berinteraksi langsung dengan kanak-kanak, tetapi tetap mempengaruhi mereka, seperti pekerjaan atau tekanan ibu bapa. Keempat iaitu

makrosistem merupakan nilai, norma, dan budaya masyarakat yang mempengaruhi pandangan kanak-kanak tentang dunia. Kelima iaitu kronosistem merupakan perubahan persekitaran dari masa ke masa, seperti pandemik COVID-19, yang mempengaruhi perkembangan sosioemosi. Kajian oleh Shahbudin (2020) menunjukkan bahawa kepanikan di media sosial semasa pandemik mempengaruhi interaksi orang dewasa, yang seterusnya memberi kesan kepada kanak-kanak. Secara keseluruhan, perkembangan sosioemosi kanak-kanak sangat bergantung pada hubungan positif dan interaksi dalam persekitaran mereka.

Peranan orang dewasa dalam perkembangan kanak-kanak, termasuk pemberian ganjaran, sangat penting dalam membentuk tingkah laku dan pembelajaran mereka. Apabila dikaitkan dengan perkembangan sosioemosi, ganjaran bukan sahaja membantu mengukuhkan tingkah laku positif tetapi juga memainkan peranan dalam membentuk nilai moral kanak-kanak (Santrock, 2019). Sosioemosi melibatkan kemampuan kanak-kanak untuk memahami dan menguruskan emosi serta membentuk hubungan sosial. Kanak-kanak belajar mengenali perasaan mereka sendiri dan orang lain, yang penting untuk mengembangkan empati, penghargaan, dan nilai moral seperti kejujuran, tanggungjawab, dan kerjasama. Orang dewasa, seperti ibu bapa dan guru, membantu memperkuat perkembangan sosioemosi ini melalui komunikasi, contoh teladan, dan penghargaan terhadap tingkah laku baik.

Teori moral Kohlberg (1984) pula menggariskan perkembangan moral melalui tiga tahap utama iaitu prakonvensional, konvensional dan pasca-konvensional. Tahap prakonvensional ialah kanak-kanak membuat keputusan moral berdasarkan hukuman dan ganjaran. Tahap konvensional pula remaja dan orang dewasa membuat keputusan untuk memenuhi harapan sosial dan menghormati peraturan. Tahap pasca-konvensional iaitu orang dewasa matang bertindak berdasarkan prinsip etika sejagat seperti keadilan dan hak asasi. Perkembangan sosioemosi membantu kanak-kanak mengembangkan empati, memahami perasaan orang lain, dan membina hubungan sosial, yang menyokong perkembangan moral. Kemampuan untuk mengendalikan emosi dan memahami interaksi sosial mempengaruhi keputusan moral sepanjang hidup, dari mengelak hukuman hingga memahami prinsip etika yang lebih kompleks. Manakala moral pula merujuk kepada pemahaman tentang betul dan salah, dan bagaimana seseorang harus bertindak secara etika dalam interaksi sosial. Hubungan antara sosioemosi dan moral sangat berkait rapat kerana perkembangan emosi dan hubungan sosial yang sihat membantu kanak-kanak memahami perspektif orang lain dan mengembangkan rasa tanggungjawab sosial. Sebagai contoh, kanak-kanak yang diajar untuk mengendalikan emosi positif akan lebih cenderung untuk bertindak tidak menyakiti orang lain secara fizikal atau emosi. Ganjaran yang diberikan oleh orang dewasa untuk tingkah laku moral, seperti membantu rakan atau berkongsi, dapat meningkatkan motivasi dalaman kanak-kanak untuk terus berkelakuan baik. Penghargaan seperti pujian atau sokongan emosi dari orang dewasa membantu kanak-kanak merasakan bahawa tingkah laku moral mereka diiktiraf dan dihargai, sekali gus menggalakkan mereka untuk membentuk prinsip moral yang lebih kukuh seiring dengan perkembangan sosioemosi mereka.

METODOLOGI

Kajian yang dilaksanakan ini adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 124 orang guru TABIKA PERPADUAN di sekitar negeri Perak dan Selangor telah dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan instrumen satu set borang soal selidik yang

telah diadaptasi dan diubahsuai. Instrumen kajian ini telah mendapat kesahan daripada pakar bahasa dan kandungan untuk memastikan instrumen ini sesuai digunakan.

Proses analisis data bagi kajian ini adalah menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0. Penganalisaan data dibuat adalah berdasarkan kepada statistik deskriptif yang melihat kepada kekerapan dan peratus. Menurut Uma Sekaran (2000), menyatakan bahawa statistik deskriptif dapat digunakan untuk menjelaskan sesuatu fenomena ataupun situasi yang sedang berlaku. Hasil dapatan kajian ini akan menentukan pengetahuan sosioemosi guru dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik Covid-19.

DAPATAN

Pengetahuan guru terhadap kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19 merupakan bahagian ketiga dalam soal selidik yang diajukan iaitu pada bahagian C. Bahagian ini adalah bagi mendapatkan tahap pengetahuan guru terhadap kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Hasil dapatan kajian terperinci mengikut item yang disoal bagi bahagian ini ditunjukkan dalam Jadual 1 hingga Jadual 10. Jadual 1 menunjukkan tahap persetujuan guru tentang elemen-elemen kemahiran sosioemosi yang sesuai untuk memupuk moral kanak-kanak. Sebagai contoh, elemen mengenali diri sendiri, mengurus emosi dan mengawal tingkah laku sendiri, menghormati kepelbagaian emosi dan pandangan orang.

Jadual 1

Elemen-elemen kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Tidak Setuju (TS)	1	0.8
Neutral (N)	26	21.0
Setuju (S)	80	64.5
Sangat Setuju (SS)	17	13.7
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 1: Saya berpengetahuan tentang elemen-elemen kemahiran sosioemosi yang sesuai untuk memupuk moral kanak-kanak. Hanya 1 orang responden bersamaan 0.8% memilih tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 26 orang responden (21.0%) memilih untuk neutral. seramai 80 orang responden iaitu 64.5% pula setuju dengan pernyataan yang diberikan dan 13.7% responden iaitu 17 orang sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Jadual 2 di bawah menunjukkan tahap persetujuan guru tentang rangsangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang mendorong perkembangan sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19 seperti penggunaan bahan maujud, model, kad imbasan dan sebagainya.

Jadual 2

Rangsangan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi perkembangan sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Tidak Setuju (TS)	18	14.5
Setuju (S)	93	75.0
Sangat Setuju (SS)	13	10.5
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 2: Saya berpengetahuan tentang rangsangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang mendorong perkembangan sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Terdapat 18 orang responden bersamaan 14.5% memilih tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 93 orang responden (75.0%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan dan 10.5% responden iaitu 13 orang sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Jadual 3 di bawah pula menunjukkan tahap persetujuan guru tentang pengetahuan mereka mengenai kaedah pengajaran yang menumpukan aspek kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak.

Jadual 3

Kaedah pengajaran yang menumpukan aspek kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak.

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Tidak Setuju (TS)	1	0.8
Neutral (N)	26	21.0
Setuju (S)	84	67.7
Sangat Setuju (SS)	13	10.5
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 3: Saya berpengetahuan tentang kaedah pengajaran yang menumpukan aspek kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak. Hanya seorang responden bersamaan 0.8% memilih tidak setuju dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 26 orang responden (21.0%) memilih neutral dengan pernyataan yang diberikan dan 67.7% responden iaitu 84 orang setuju dengan pernyataan yang diberikan serta 13 orang responden bersamaan 10.5% sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Seterusnya Jadual 4 menunjukkan tahap persetujuan guru tentang pengetahuan mereka mengenai kemahiran sosioemosi yang perlu dimasukkan dalam pengajaran memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Jadual 4

Pengetahuan guru mengenai kemahiran sosioemosi

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Tidak Setuju (TS)	1	0.8
Neutral (N)	32	25.8
Setuju (S)	78	62.9
Sangat Setuju (SS)	13	10.5
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 4: Saya berpengetahuan tentang kemahiran sosioemosi yang perlu dimasukkan dalam pengajaran memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Tiada responden yang memilih sangat tidak setuju pada pernyataan yang diajukan. Manakala 1 orang responden (0.8%) memilih tidak bersetuju dan seramai 25.8% bersamaan 32 orang responden memilih untuk neutral, seramai 78 orang responden (62.9%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan dan 10.5% responden iaitu 13 orang sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Jadual 5 di bawah menunjukkan pengetahuan guru tentang strategi untuk menunjukkan contoh-contoh kemahiran sosioemosi yang sesuai kepada kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Jadual 5

Strategi untuk menunjukkan contoh-contoh kemahiran sosioemosi kepada kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Tidak Setuju (TS)	2	1.6
Neutral (N)	27	21.8
Setuju (S)	77	62.1
Sangat Setuju (SS)	18	14.5
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 5: Saya berpengetahuan tentang strategi untuk menunjukkan contoh-contoh kemahiran sosioemosi yang sesuai kepada kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Hanya 2 orang responden bersamaan 1.6% memilih tidak setuju dan 27 orang responden iaitu 21.8% memilih neutral dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 77 orang responden (62.1%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan dan 14.5% responden iaitu 18 orang sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Seterusnya Jadual 6 pula menunjukkan pengetahuan guru mengenai tahap-tahap penguasaan kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik Covid-19.

Jadual 6

Penguasaan kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Neutral (N)	19	15.3
Setuju (S)	82	66.1
Sangat Setuju (SS)	23	18.5
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 6: Saya berpengetahuan tentang tahap-tahap penguasaan kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Seramai 19 responden bersamaan 15.3% memilih neutral dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 82 orang responden (66.1%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan dan 18.5% responden iaitu 23 orang sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Jadual 7 pula menunjukkan tahap persetujuan guru mengenai pengetahuan mereka tentang langkah-langkah membina kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Jadual 7

Langkah-langkah membina kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Tidak Setuju (TS)	2	1.6
Neutral (N)	35	28.2
Setuju (S)	72	58.1
Sangat Setuju (SS)	15	12.1
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 7: Saya berpengetahuan tentang langkah-langkah membina kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Hanya 2 orang responden bersamaan 1.6% memilih tidak setuju dan 35 orang responden iaitu 28.2% memilih neutral dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 72 orang responden (58.1%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan dan 12.1% responden iaitu 15 orang sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Jadual 8 pula menunjukkan pengetahuan guru tentang aktiviti-aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk membantu memperkembangkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Jadual 8

Aktiviti-aktiviti untuk membantu memperkembangkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Neutral (N)	32	25.8
Setuju (S)	80	64.5
Sangat Setuju (SS)	12	9.7
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 8: Saya berpengetahuan tentang aktiviti-aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk membantu memperkembangkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Seramai 32 orang responden bersamaan 25.8% memilih neutral dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 80 orang responden (64.5%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan serta 12 orang responden bersamaan 9.7% sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Seterusnya Jadual 9 menunjukkan tahap persetujuan guru tentang faktor-faktor yang memengaruhi kemahiran sosioemosi kanak-kanak dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Jadual 9

Faktor-faktor yang memengaruhi kemahiran sosioemosi kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Neutral (N)	25	20.2
Setuju (S)	89	71.8
Sangat Setuju (SS)	10	8.1
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 9: Saya berpengetahuan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran sosioemosi kanak-kanak dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Seramai 25 orang responden bersamaan 20.2% memilih neutral dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 89 orang responden (71.8%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan serta 10 orang responden bersamaan 8.1% sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

Seterusnya Jadual 10 menunjukkan tahap persetujuan guru tentang pelaksanaan kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Jadual 10

Pelaksanaan kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak

Kategori	Frekuensi	Peratusan
Neutral (N)	27	21.8
Setuju (S)	83	66.9
Sangat Setuju (SS)	14	11.3
Jumlah	124	100.0

Pernyataan 10: Saya berpengetahuan tentang pelaksanaan kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Terdapat 27 orang responden bersamaan 21.8% memilih neutral dengan pernyataan yang diberikan. Manakala seramai 83 orang responden (66.9%) memilih setuju dengan pernyataan yang diberikan dan 11.3% responden iaitu 14 orang sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji merumuskan pengetahuan guru terhadap sosioemosi merangkumi elemen-elemen kemahiran sosioemosi yang sesuai untuk memupuk moral kanak-kanak, rangsangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang mendorong perkembangan sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19, kaedah pengajaran yang menumpukan aspek kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak, kemahiran sosioemosi yang perlu dimasukkan dalam pengajaran memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19, strategi untuk menunjukkan contoh-contoh kemahiran sosioemosi yang sesuai kepada kanak-kanak pasca pandemik COVID-19, .tahap-tahap penguasaan kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19, langkah-langkah membina kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19, aktiviti-aktiviti yang dapat dilaksanakan untuk membantu memperkembangkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak dalam kalangan kanak-kanak pasca pandemik COVID-19, .faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran sosioemosi kanak-kanak dalam memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19., dan pelaksanaan kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu memberi perhatian utama kepada elemen-elemen sosioemosi. Jika elemen-elemen ini tidak ditangani dengan baik, ia boleh menimbulkan kesan negatif terhadap pembelajaran kanak-kanak. Kegagalan dalam bidang akademik individu sering kali dikaitkan dengan kelemahan dalam mengurus elemen perkembangan sosioemosi. Pembelajaran masa kini memerlukan kanak-kanak untuk mengembangkan kemahiran sosioemosi sebagai persediaan dalam menghadapi cabaran pembelajaran yang semakin mencabar dan menyeimbangkan elemen sosioemosi mereka sepanjang proses tersebut (Mohammad & Mohamed, 2020).

Selain itu, guru yang memberi rangsangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang mendorong perkembangan sosioemosi juga memberi kesan positif kepada kanak-kanak disamping menunjukkan kebolehan yang lebih besar untuk mengurus kelas dan mencipta budaya kelas yang lebih positif. Hal ini membawa kepada persekitaran pembelajaran yang berkualiti tinggi, kesejahteraan dan pencapaian akademik (Oliveira et al. 2021).

Guru perlu mengenal pasti langkah-langkah penting dalam membina kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak. Antaranya pengembangan kesedaran diri seperti membantu kanak-kanak mengenali dan memahami emosi mereka sendiri serta bagaimana emosi ini mempengaruhi tingkah laku mereka (Brackett, 2019).

Kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak dalam konteks sekolah hendaklah diterapkan oleh guru melalui kaedah pengajaran yang diintegrasikan dalam kurikulum sekolah (CASEL, 2020). Ini termasuk pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua aspek pendidikan, dari pengajaran kelas hingga aktiviti kokurikulum. Kanak-kanak hendaklah dilibatkan dalam aktiviti yang memerlukan kerjasama dan empati. Secara tidak langsung, mereka akan belajar untuk menghargai moral dan etika dalam kehidupan seharian mereka. Pengintegrasian nilai-nilai moral dalam pendidikan melalui kaedah pengajaran yang melibatkan sosioemosi adalah langkah penting ke arah mencipta generasi yang lebih bertanggungjawab dan empati.

Kebanyakan guru tabika mempunyai pengetahuan yang baik terhadap kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak. Namun begitu, terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek penguasaan strategi spesifik dan langkah-langkah praktikal yang dapat membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Kurangnya latihan khusus dan alat bantu mengajar yang berstruktur mengakibatkan sebilangan guru sukar mengaplikasikan kemahiran sosioemosi ini secara konsisten. Oleh itu, adalah penting untuk pihak berkepentingan dalam pendidikan menyediakan lebih banyak latihan dan sumber yang relevan bagi meningkatkan kemahiran guru dalam menguasai kemahiran sosioemosi dan memupuk moral kanak-kanak. Seterusnya dapat memberi impak positif dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pengintegrasian kemahiran sosioemosi dalam memupuk moral kanak-kanak di TABIKA.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini memperjelaskan tentang pengetahuan guru TABIKA terhadap kemahiran sosioemosi untuk memupuk moral kanak-kanak pasca pandemik COVID-19. Diharap dapatan ini membantu pelbagai pihak untuk menyediakan panduan yang lebih terperinci serta alat bantu mengajar yang sesuai bagi membantu guru meningkatkan kemahiran mereka dalam mengajar aspek sosioemosi agar dapat juga memupuk moral kanak-kanak. Dengan pengetahuan dan sokongan yang lebih baik, guru dapat memberi impak yang lebih positif terhadap kemahiran sosioemosi dan moral kanak-kanak.

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat dana daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kod Penyelidikan: 2013-0062-107-02.

RUJUKAN

- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi, & Khairunnisa, A. S. (2018). Masalah sosial dalam kalangan pelajar dan peranan pensyarah pendidikan islam dalam pengajaran dan pembelajaran. *e-Bangi*, 13(5).
- Brackett, M. (2019). *Permission to feel: Unlocking the power of emotions to help our kids, ourselves, and our society thrive*. Celadon Books.
- Bronfenbrenner, U. (1979). The ecology of human development: Experiments by nature and design. *Harvard University Press google schola*, 2, 139-163.
- Guide, C. A. S. E. L. (2013). Effective social and emotional learning programs. *Preschool and Elementary School Edition*.
- Hidayu, F., & Vasudevan, H. (2020). Covid-19 Pandemic during 2020 Malaysia Movement Control Order (MCO)-The Case Of Residential College Students' Mental Health. *International Journal of Social & Scientific Research*, 6(11).
- Kohlberg, L. (1984). Essays on moral development, Vol. II, *The psychology of moral development*. San Francisco, CA: Harper & Row.
- Mohamed, S. (2021). Pembelajaran Sosioemosi Di Prasekolah: Tahap Pengetahuan dan Amalan Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 401-408.
- Mohammad, N. A., & Mohamed, S. (2020). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran dalam membentuk kecerdasan sosioemosi kanak-kanak. *International journal of education and pedagogy*, 2(3), 70-82.
- Nor Hamizah Ab Razaki & Abdul Rashid Aziz @ Dorashidi. (2020). Perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak: Kesan penjarakan sosial dalam tempoh perintah kawalan pergerakan dan pendekatan dalam membantu. *International Seminar on Islam And Science 2020*, 448-445. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6841>
- Oliveira, S., Roberto, M. S., Pereira, N. S., Marques-Pinto, A., & Veiga-Simão, A. M. (2021). Impacts of social and emotional learning interventions for teachers on teachers' outcomes: A systematic review with meta-analysis. *Frontiers in Psychology*, 12, 677217.
- Santrock, J. W. (2019). Life-span Development. United Kingdom: McGraw-Hill Education.
- Sekaran, U. (2000). Research Methods for Business (3, d Edition). New Jersey: John Wiiey & Sons.
- Shahbudin, M. S. I. (2020). Kepanikan pengguna media sosial terhadap virus COVID-19. *PENDETA*, 11, 1-10.